

PEMBINAAN KATA KERJA

DARI SUDUT MAKNA

oleh

DARWIS HARAHAH BIN MOHAMAD

Disertasi yang diserahkan untuk memenuhi

keperluan bagi ijazah Doktor Falsafah

Disember 1993

kepada
bonda
dan
mamanda
yang telah tiada
kupanjatkan
doa kesejahteraan

kepada
isteriku
anak-anakku
dan
seluruh keluargaku
kupohonkan
doa restu

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	viii
ABSTRAK	xi
SINGKATAN DAN LAMBANG	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.0 PENGENALAN	1
1.1 BATASAN KAJIAN	12
1.2 PENCIRIAN GOLONGAN KATA KERJA	13
1.3 KAEDAH DAN PENDEKATAN KAJIAN	15
1.4 PENGUMPULAN DAN PEMILIHAN DATA	17
1.5 BAHAN KAJIAN	21
1.6 HIPOTESIS	23
1.7 TUJUAN KAJIAN	24
1.8 ORGANISASI KAJIAN	24
BAB 2 KAJIAN MORFOLOGI	
2.0 PENGENALAN	30
2.1 KAJIAN MORFOLOGI	31
2.2 KAJIAN MORFOLOGI BAHASA MELAYU	34
2.3 IMBUHAN DASAR	48

2.4	PERTEMBUNGAN AWALAN DASAR + KATA DASAR	56
2.5	KATA GANDA	65
2.6	KATA MAJMUH	68
2.7	RINGKASAN	69
BAB 3 MAKNA DAN LAPISAN BINAAN KATA KERJA		
3.0	Pengenalan	72
3.1	Pembinaan kata kerja terbitan	73
3.2	Hubungan makna dengan pembinaan kata	77
3.3	Binaan dan makna imbuhan satu lapis	81
3.3.1	KD + kan	81
3.3.2	KD + i	92
3.3.3	pe + KD	98
3.3.4	me + KD	101
3.3.5	di + KD	111
3.3.6	te + KD	117
3.3.7	be + KD	122
3.4	Binaan dan makna imbuhan dua lapis	133
3.4.1	ke + KD + kan	135
3.4.2	pe + KD + kan	140
3.4.3	pe + KD + i	143
3.4.4	me + (KD + kan)	144
3.4.5	me + (KD + i)	152

3.4.6	di + (KD + kan)	158
3.4.7	di + (KD + i)	165
3.4.8	te + (KD + kan)	170
3.4.9	te + (KD + i)	174
3.4.10	(be + KD) + kan	177
3.4.11	be + KD + an	180
3.4.12	me + (pe + KD)	185
3.4.13	di + (pe + KD)	187
3.4.14	te + (pe + KD)	189
3.5	BINAAN DAN MAKNA IMBUHAN TIGA LAPIS	191
3.5.1	me + (pe + KD + kan)	191
3.5.2	me + (pe + KD + i)	197
3.5.3	di + (pe + KD + kan)	199
3.5.4	di + (pe + KD + i)	203
3.5.5	me + ((be + KD) + kan)	206
3.5.6	di + ((be + KD) + kan)	207
3.5.7	te + ((be + KD) + kan)	208
3.5.8	me + (ke + KD + an)	209
3.6	BINAAN DAN MAKNA IMBUHAN EMPAT LAPIS	210
3.6.1	me + ((pe + (se + KD) + kan))	211
3.6.2	di + ((pe + (se + KD) + kan))	213
3.6.3	be + (se + (ke + KD + an))	214

BAB 4	FUNGSI SINTAKSIS KATA KERJA TRANSITIF	
4.0	Pengenalan	218
4.1	Fungsi Sintaksis Kata Kerja Transitif	220
4.1.1	Fungsi Sintaksis Imbuhan +kan	220
4.1.2	Fungsi Sintaksis Imbuhan +i	236
4.1.3	Fungsi Sintaksis Imbuhan pe+	249
4.2	Keperukaran Penanda Transitif	262
4.3	Ringkasan	267
BAB 5	KESIMPULAN	
5.0	Pengenalan	272
5.1	Dapatan Kajian	272
5.2	Sumbangan Kajian	296
5.3	Manfaat Kajian	297
5.4	Cadangan	297
5.5	Kajian Selanjutnya	298
KEPUSTAKAAN		299
LAMPIRAN 1		
RAJAH AYAT DASAR SELAPIS		316
LAMPIRAN 2		
RAJAH POHON STRUKTUR DALAM AYAT SELAPIS		317
LAMPIRAN 3		
SINGKATAN YANG DIGUNAKAN PADA RAJAH (LAMPIRAN 1 DAN 2)		318

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengan rahmat dan kurnia-Nya saya dapat menyelesaikan disertasi ini. Salawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Besar Muhammad SAW, keluarganya, sahabatnya dan pengikutnya.

Saya mengucapkan terima kasih yang tiada terhingga kepada Prof. Abdullah Hassan yang bukan sahaja sebagai penyelia tetapi juga memberi dan menunjukkan buku nahu yang sukar didapati bagi keperluan disertasi ini. Perancangan dan disiplin kerja yang tersusun, pemeriksaan yang cepat, penasihatn yang bernas, sikap terbuka, dedikasi, sabar, perasaan tanggungjawab serta dorongan yang tinggi daripada beliau merupakan beberapa faktor terhasilnya kajian ini.

Terhasilnya kajian ini juga banyak disokong oleh bantuan moral Prof. Mashudi Kader yang menyediakan kolokium bahasa di Pusat Bahasa dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia dan Prof. Madya Dr. Zaharin Yusoff yang menyediakan perbincangan bahasa di Pusat Pengajian Sains Matematik dan Sains Komputer, Universiti Sains Malaysia semasa kajian ini dijalankan. Terima kasih kepada dua tokoh bahasa ini beserta semua ahli akademik yang menyertai program tersebut.

Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada adik Zainuddin Ab. Rahman di Petaling Jaya, Pak Asraf di Dewan Bahasa dan Pustaka, Tuan Hj. Hashim Hj. Musa di Universiti Malaya, Dr. Ramli Hj. Salleh di Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Harimurti Kridalaksana di Universitas Indonesia, Jakarta, Prof. Dr. Henry Guntur Tarigan, Drs. Undang Misan di Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan Bandung, abang Mahmud Buchari di Bandung dan Drs. Ahmad Samin Siregar di Universitas Sumatera Utara, Medan yang masing-masing telah menyumbang pelbagai bahan bagi kegunaan kajian ini.

Kepada pihak pentadbir Universiti Sains Malaysia saya menyampaikan perasaan gembira kerana telah mengecualikan saya daripada membayar yuran, mendapat kemudahan membuat kajian dan bekerja dengan selesa di kampus induk yang menghijau ini. Kepada Pn. Prof. Mahindar Santokh Singh, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia yang memberi kekuatan kepada saya untuk membuat kajian di Universiti ini, rasa hormat tidak saya lupakan. Juga, saya tidak lupa menyampaikan ucapan yang sama kepada semua rakan pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu kemanusiaan, terutama para pensyarah di Bahagian Pengajian Bahasa Melayu.

Akhir sekali, kepada semua informan saya, pelajar yang mengikuti kursus morfologi dan sintaksis yang saya kendalikan

semasa kajian ini dijalankan, serta nama mereka yang tidak
tercatat di sini, saya mengucapkan 'semoga amal yang pernah
diberi, akan dibalas oleh Yang Maha Pemberi'. Amin.

Darwis Harahap bin Mohamad.
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia.
1993

ABSTRAK

PEMBINAAN KATA KERJA DARI SUDUT MAKNA

Kajian ini merupakan kajian pembinaan kata kerja dari sudut makna di dalam bahasa Melayu. Pembinaan kata kerja dipilih kerana didapati golongan perkataan ini merupakan bahagian yang sangat penting di dalam membina ayat bahasa Melayu.

Oleh kerana ia merupakan unsur yang utama di dalam ayat, maka ia sangat banyak digunakan oleh pengguna bahasa sama ada secara lisan mahupun bertulis. Ia didapati cukup rumit kerana binaan perkataannya banyak dan maknanya juga pelbagai. Oleh yang demikian, kesalahan dan kekhilafan menggunakan kata kerja sering berlaku.

Kajian ini menggunakan bahasa bertulis dan bahasa lisan sebagai data analisis. Di dalamnya dibincangkan binaan Kata Kerja Terbitan, makna imbuhan Kata Kerja dan fungsi Kata Kerja Transitif *+kan*, *+i* dan *pe+* di dalam ayat.

ABSTRACT

A SEMANTIC STUDY OF MALAY VERB CONSTRUCTION

This is a semantic study on the formation of verbs in Malay. The formation of verbs has been selected because this class of words is considered to form an important part of the construction of sentences in Malay.

Owing to the fact that it is an important element of a sentence, is it very widely used by Malay speakers in speaking and writing. It is considered to be complex because of the large number of word formations produced with diverse meanings. Therefore, errors and mistakes in the use of verbs often occur.

This study utilises written and oral materials as data for analysis. The formation of Derivative Verbs, the meaning of Verb affixations and the function of the Transitive Verbs *+kan*, *+i* and *pe+* in sentences are discussed.

SINGKATAN DAN LAMBANG

A	Ayat
DMT	Deretan Morfem Terdekat
FKB	Frasa Kata Bantu
FN	Frasa Nama
FP	Frasa Predikat
FSN	Frasa Sendi Nama
Imb	Imbuhan
K	Keterangan
KADBD	Kata Adverb Dasar
KBAD	Kata Bantu Aspek Dasar
KBILD	Kata Bilangan Dasar
KBND	Kata Bantu Nafi Dasar
KBRD	Kata Bantu Ragam Dasar
KD	Kata Dasar
KK	Kata Kerja
KKD	Kata Kerja Dasar
KKG	Kata Kerja Ganda
KKM	Kata Kerja Majmuk
KKT	Kata Kerja Terbitan

KNAD	Kata Nama Arah Dasar
KND	Kata Nama Dasar
KPDD	Kata Penguat Depan Dasar
KS	Kata Sifat
KSD	Kata Sifat Dasar
Mk	Minangkabau (bahasa)
N	Nasal (perwakilan bunyi atau huruf m, n, ny, ng, nge)
O	Objek
P	Predikat
R	getaran (perwakilan bunyi atau huruf r)
RPK	Rajah Pembinaan Kata
S	Subjek
T	bunyi atau huruf Tambahan
w	w
-	bunyi geluncuran _
y	y
-	bunyi geluncuran _
Ø	dilenyapkan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Kajian awal bahasa Melayu dipercayai telah ada sejak abad ke-15 (sekitar tahun 1403-1511 M), iaitu berupa senarai perkataan bahasa Melayu-China. Walaupun kajian ini merupakan senarai perkataan yang mengandungi hanya 482 kata masukan, namun para pengkaji bahasa Melayu menganggap ia sebagai kamus pertama bahasa Melayu¹.

Pada tahun 1521, Antonio Pigafetta pula berjaya mengumpul sebanyak 426 perkataan Melayu dan senarai ini kemudian disusun oleh Alessandrio Bausani di dalam kamus Perbendaharaan Kata Itali-Melayu yang pertama. Pada abad yang sama (abad ke-16) dan abad ke-17 muncullah beberapa orang pengkaji lain yang menyusun kamus, seperti Frederick de Houtman yang bertajuk *Spraeck ende woord-boeck, in de Maleysche ende Madagaskarsche Talen* (1599-1602), Caspar Wiltens dan Sebastian Dankaerts yang bertajuk *Dictionarium Malaico-Latinum et Latino-Malaicum* (1623), Tustus Heurnius menyusun kamus *Vocabularium; ofte Woorden-boeck, in't Duytsch en Maleys* (1650) dan Frederik Gueynier menyusun kamus bahasa Melayu pada tahun 1677.

Abad berikutnya (abad ke-18), sebuah kamus yang bertajuk *A Dictionary English and Malayo - Malayo and English* (1701) telah disusun oleh Thomas Bowrey. Kamus Inggeris-Melayu-Inggeris ini ditambah sedikit dengan peraturan nahu Melayu. George Henrik Werndly pula menulis tatabahasa Melayu yang bertajuk *Maleische Spreakkunst* pada tahun 1736. (Marsden, 1812: xxxviii-xlii).

Pada abad ke-19 muncul nama William Marsden (1812), William Edward Maxwell (1822), A.A.E. Schleirmacher (1835), John Crawford (1852), P. Favre (1857), Tugault (1863), August Seidel (1891) dan Shellabear William Girdlestone (1899). Kemudian, pada awal abad ke-20 dicetak pula sebuah kamus bertajuk *Kamus Jawi-Melayu-Inggeris* (1903) yang disusun oleh Richard James Wilkinson.

Walaupun Wilkinson menyusun kamus di atas pada tahun 1903, ini bukanlah bermakna sebelum atau sesudah tahun tersebut tidak ada penulis tempatan yang memikirkan tentang bahasa Melayu. Abdullah Munshi (1796-1854) malahan membidas nahu bahasa Melayu yang ditulis oleh orang asing itu (bangsa Belanda atau bangsa Inggeris) yang dianggapnya hanyalah merupakan pengubahsuaian nahu bahasa mereka sendiri yang cuba dipaksakan terhadap bahasa Melayu. Itulah sebabnya ia mengatakan:

Sebermula hendaklah engkau ketahui, janganlah tersalah faham. Maka jikalau ada nahu bahasa Melayu itu niscaya meringankan pekerjaan sahaja gunanya, jangan engkau sangkakan boleh menjadi pandai dalam pekerjaan karang-mengarang. Maka sungguhpun diletakkan hukumnya maka ada juga lagi beberapa perkataan yang tiada menurut hukum itu. Umpamanya jikalau seratus hukum itu barang kali tujuh puluh sahaja yang masuk dalam hukum itu, dan yang tiga puluh itu di luarnya.

(Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, 1966 : 331)

Walaupun Abdullah bin Abdul Kadir Munshi tidak sempat menulis buku nahu, namun seorang sasterawan yang sezaman dengannya iaitu Raja Haji Ali ibn Raja Haji Ahmad (1809-1970) telah menulis dua buah buku nahu iaitu Bustanul Katibin Lish-shibyanil Muta'allimin (Perkebunan Jurutulis bagi Anak-Anak yang Hendak Berlajar: Kitab yang Ringkas bagi Orang yang Berkehendak Mengenal segala Huruf Melayu dan Suratannya) (1850) dan Kitab Pengetahuan Bahasa: yaitu Kamus Lughat Melayu Johor-Pahang-Riau-Lingga (1858) .

Walaupun kedua-dua buku ini banyak menggunakan istilah nahu bahasa Arab, namun Harimurti Kridalaksana berpendapat: "... sebuah karya harus dinilai sesuai dengan manfaat dan tradisi zamannya, kerana tiap-tiap zaman mempunyai paradigmanya sendiri" (Harimurti Kridalaksana, Disember 1983 : 12).

Cita-cita Abdullah bin Abdul Kadir Munshi disempurnakan oleh anaknya iaitu Muhammad Ibrahim bin Abdullah Munshi dengan

menyusun nahu bahasa Melayu yang bertajuk Kitab Pemimpin Johor (1878). Buku ini menghuraikan tentang aturan bunyi, penggunaan perkataan dan jalan bahasa Melayu. Perhatikan pernyataannya yang terlihat di dalam petikan yang berikut ini.

Ada pun isi kitab ini menyatakan bahasa dan pancaindera pertuturan serta aturan huruf-huruf dan bunyinya serta gunanya dan perkataan dan perenggan kata di dalam surat-surat Melayu serta syarat-syarat dan huruf-huruf saksi dan gantinya dan petua mengeja dan hubungan huruf-huruf serta pangkat-pangkat bunyinya dan tabi'atnya serta beberapa jenis tanda-tanda yang patut dipakai, kerana belum ada, serta nama-namanya dan kuasanya dan gunanya dan bahasanya dan tempatnya serta sebab-sebabnya dan sebagainya dengan sempurnanya.

(Muhammad Ibrahim bin Abdullah Munshi, 1878 : iii-iv)

Selepas Muhammad Ibrahim Munshi, nama Syed Mahmud bin Syed Abdul Kadir Al Hindi (1865-1913) tercatat sebagai penyusun Kamus Mahmudiyyah (1894). Kamus ini telah mendapat sambutan yang baik dan pada tahun 1925 telah dicetak ulang di Kota Bharu, Kelantan.

Bahasa Melayu kemudian menjadi bahan kajian yang menarik bukan sahaja bagi pengkaji Barat tetapi juga pengkaji tempatan. Mereka di antara lain ialah: Sir Richard Winsted dengan bukunya Malay Grammar (1914), Muhammad Syah bin Yusuf dengan bukunya Sanjuh Suratan (1922), penulis bersama Zainal 'Abidin bin Ahmad, Winsted, O.T. Dussek dan W.B. Clarke dengan buku mereka Ilmu

Bahasa Melayu (1927), Abdullah bin Talib dengan bukunya Kitab Punca Bahasa (1927), Raja Haji Muhammad Thohir bin Almarhum Murshid Rabu dengan bukunya Rencana Melayu (1928), Shellabear dengan bukunya A Practical Malay Grammar (1929), Haji Md. Said Haji Suleiman dengan bukunya Jalan Basa Melayu (1937), Yunus bin Saldin dengan bukunya Mengajar Rahsia dalam Nahu Bahasa Jawi (1938) dan Haji Md. Said Haji Suleiman dengan bukunya Penokok dan Penambah dalam Bahasa Melayu (1939). Kesemua kajian ini³ berasaskan kepada bahasa Melayu tulisan Jawi .

Nahu Melayu yang ditulis lebih lengkap oleh orang Melayu di dalam Bahasa Melayu berasaskan tulisan Rumi ialah Pelita Bahasa Melayu Penggal 1 (1940; 1947; 1953; 1965), Pelita Bahasa Melayu Penggal 2 (1946; 1960) dan Ilmu Mengarang Melayu (1934; 1947; 1949; 1951; 1952; 1956; 1962; 1965) karangan Zainal 'Abidin bin Ahmad (Z'aba). Oleh yang demikian, di dalam buku Pelita Bahasa Melayu Penggal 1 disediakan petua ejaan Rumi. Selepas buku ini, barulah lahir beberapa kamus seperti Kamus Dewan (1970; 1984; 1986) dan buku nahu Bahasa Melayu yang lain sama ada ditulis oleh sarjana dalam mahupun sarjana luar negara ini.

Walaupun kajian tentang nahu bahasa Melayu telah banyak ditulis sehingga ke hari ini, namun kajian yang khusus tentang

pembinaan kata (morfologi) Bahasa Melayu tidaklah begitu banyak. Kajian tersebut di antara lain ialah: Haji Md. Said Haji Suleiman, *Penokok dan Penambah* (1939); Hendon, R.F., *The Phonology and Morphology of Ulu Muar Malay* (1960); Zainal Abidin bin Bador, "Word Forms in the Malay of Negeri Sembilan" (1964); Abdullah Hassan, *The Morphology of Malay* (1972)); Musa Daia, *Bentuk-Bentuk Kata Bahasa Melayu dan Indonesia* (1974); Zaiton Abdul Rahman, "Empat Morfem dalam Bahasa Melayu" (1974); Halimah Wok Awang, "Imbuhan dalam Bahasa Melayu" (1974); Farid M. Onn, *Aspects of Malay Phonology and Morphology* (1976); Abdullah Hassan, *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia* (1986); Hashim bin Hj. Musa, *Binaan dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu: Satu Huraian dari sudut Tatabahasa Generatif* (1987); Lutfi Abas, *Nahu Penambah Bahasa Malaysia* (1988); Arbak Othman, *Imbuhan dalam Bahasa Melayu* (1989) dan Nik Safiah Karim et al., *Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan* (1989).

Pada umumnya kajian/buku di atas cakupannya cukup luas, iaitu merangkumi pembinaan kata bagi kesemua jenis perkataan seperti Kata Nama, Kata Kerja, Kata Sifat dan Kata Tugas.

Buku *Penokok dan Penambah dalam Bahasa Melayu* (ejaan Jawi, 1939; ejaan Rumi, 1992) terdiri daripada 17 halaman yang dibahagi

kepada 10 Fasal atau Bab. Huraian di dalam buku ini berdasarkan bahasa Melayu ejaan Jawi. Kelemahan buku ini ialah apabila penulisnya menganggap bahawa imbuhan +i dan +kan boleh hadir serentak. Penegas +lah pula dianggap sebagai akhiran, sehingga terdapat perkataan buatikanlah (hlm. 2).

Demikian juga se+ yang berasal daripada satu dan tak yang berasal daripada tidak, dimasukkan sebagai awalan dan bukan sebagai singkatan (hlm. 5). Singkatan +nya yang berasal daripada dia dianggap sebagai akhiran dan contoh yang dikemukakan pula +nya bermaksud sebagai akhiran, iaitu hormatnya (hlm. 9).

Oleh kerana pembahasan di dalam buku ini berdasarkan bahasa Melayu tulisan Jawi maka terdapatlah imbuhan ke+ dengan +ki, iaitu kehendakki (hlm. 11 naskhah Jawi). Di dalam pengimbuhan kini, ia telah diubah menjadi awalan ke+ dan akhiran +i. Walau bagaimanapun, kesilapan penggunaan dua k sama ada +kan yang seharusnya +an dan +ki yang seharusnya +i sehingga kini masih selalu digunakan oleh pengguna bahasa terutama para pelajar.

Keistimewaan buku ini ialah disediakannya jadual pengimbuhan termasuk penyebarannya (hlm. 17 - 20). Di samping itu pula, makna setiap binaan disediakan, seperti: *pesuruh* = orang yang

kena suruh, *pekerjaan* = keadaan kerja, *pelindung* = barang yang melindungi (hlm. 21).

Buku *Bentuk-Bentuk Kata Bahasa Melayu dan Indonesia* (1974) mengkaji bahasa Melayu berdasarkan ejaan Rumi. Kelemahan buku ini ialah apabila penulisnya menganggap kata penegas +lah, +kah, +tah, +pun dan klitik +ku, +mu, +nya, +nda sebagai akhiran.

Keistimewaan buku ini ialah adanya perbincangan teori kata dasar yang menganggap bahawa sebahagian daripada kata dasar yang ditemui sekarang ini berasal daripada kata akar.

Buku *The Morphology of Malay* (1974) mengkaji morfologi bahasa Melayu berdasarkan data yang sebenarnya. Oleh kerana sifatnya sebagai kajian kedoktoran, maka isinya sangat teknikal dan banyak rumus. Walau bagaimanapun, isi buku tersebut kemudian telah dituangkan di dalam buku *Penerbitan Kata dalam Bahasa Malaysia* (1986). Huraian di dalam buku ini lebih lengkap, terperinci dan menggunakan contoh yang lebih banyak.

Keistimewaan buku ini ialah setiap golongan kata dan terbitannya dibincangkan di dalam Bab yang berasingan. Buku ini pula memperlihatkan konstruksi setiap golongan, iaitu: Konstruksi

Kata Kerja (hlm. 59), Konstruksi Kata Keterangan (hlm. 101), Konstruksi Kata Nama (hlm. 105) dan Konstruksi Kata Sifat (hlm. 135). Dengan adanya konstruksi ini, mudahlah diketahui manakah imbuhan yang hadir serentak dan manakah imbuhan yang hadir dahulu dan yang kemudian, sekiranya binaan tersebut menggunakan lebih daripada satu imbuhan, contoh: meN + wujudkan = mewujudkan, meN + yakinkan = meyakinkan, meN + persoalkan = mempersoalkan, meN + tertawakan = mentertawakan (hlm. 80).

Buku *Aspects of Malay Phonology and Morphology* (1980), walaupun membincangkan morfologi bahasa Melayu tetapi buku tersebut lebih memberatkan kepada bahasa Melayu (dialek) Johor. Oleh kerana kajian ini mengkhusus kepada bahasa Melayu baku, maka buku berkenaan tidak diulas di sini. Walau bagaimanapun, pada tempat yang sesuai, buku tersebut akan dirujuk juga.

Buku *Binaan dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu* (1987; 1993) menggunakan huraian dari sudut Tatabahasa Generatif. Kelemahan buku ini ialah walaupun di dalam teorinya dinyatakan bahawa tujuan kajian morfologi bukanlah hanya menentukan susunan linear tetapi juga sistem hierarki morfem sehingga pelapisan hierarki di dalam pengimbuhan dapat diramalkan (hlm. 170), namun di dalam contoh kurung berlabel, imbuhan me + KD + kan diperlihatkan sebagai hadir serentak, seperti: [me- [mindah] -kan],

[me- [ny-er-abut] -kan], [me- [nanda tangan] -i], [me- [nyalah guna] -kan], [meng- [hawa dingin] -kan, [me- [nge tepi] -kan] (hlm. 232).

Keistimewaan buku ini ialah setiap Kata Dasar yang diimbuhkan, dinyatakan golongan perkataannya dan juga golongan perkataan bagi Kata Terbitan selepas kurung berlabel.

Buku Nahu Penambah Bahasa Melayu (1988) membincangkan imbuhan menurut bentuk imbuhan itu sendiri dan tidak dikelompokkan menurut golongannya. Kelemahan buku ini ialah apabila pengarangnya mengkategorikan ku+, kau+, +ku, +kau sebagai pra dan pascaklitik dan +mu sebagai pascaklitik (hlm. 124), serta +lah, +kah, +tah, +pun sebagai penegas (hlm. 138) diserupakan dengan dengan imbuhan yang lain yang dinamainya sebagai penambah.

Apabila membincangkan perkara ini, makna penambah tersebut tidak dinyatakan dan kalau dinyatakan pun sebenarnya pernyataan tersebut bukan makna tetapi fungsi, seperti: menguatkan makna perkataan (hlm. 138), memperkeras atau memperhalus perintah, suruhan, ajakan atau tegahan (hlm. 139).

Perbincangan imbuhan pada umumnya dibincangkan hanya satu lapis sahaja kecuali apitan pe-...-an, per-...-an dan

ke-...-an (hlm. 99). Mungkin pengarang berpendirian bahawa penambah yang lain bukanlah apitan melainkan ada peringkat kehadirannya. Namun, kerana tiada penjelasan mengenainya, maka ia tidak lengkap.

Keistimewaan buku ini ialah imbuhan dikelompokkan berdasarkan maknanya. Setiap makna imbuhan disediakan contoh yang terdiri daripada Kata Dasar, Kata Terbitan/Golongannya dan ayat yang sesuai.

Buku Imbuhan dalam Bahasa Melayu (1989) juga membincangkan imbuhan menurut bentuknya. Dengan demikian, semasa membincangkan imbuhan apitan ke-...-an, ia dibahagikan sebagai imbuhan Kata Nama dan sebagai imbuhan Kata Kerja.

Kelemahan buku ini ialah semua imbuhan yang menggunakan awalan dan akhiran dianggap sebagai apitan, seperti: apitan ber-...-an (hlm. 13), ber-...-kan (hlm. 15), di-...-i, di-...-kan (hlm. 20), me-...-kan (hlm. 38) dan me-...-i (hlm. 39). Keistimewaan buku ini ialah setiap perbincangan imbuhan dinyatakan: bentuk, fungsi dan makna imbuhan berkenaan serta disediakan latihan mengenainya.

Buku Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan (1989) membincangkan imbuhan berdasarkan golongan perkataannya. Di dalam buku ini

perkataan digolongkan kepada empat golongan, iaitu: Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif dan Kata Tugas. Kelemahan buku ini ialah apabila semua awalan + kata dasar + akhiran dianggap sebagai apitan, seperti: meN-...-kan, beR-...-kan, beR-...-an, di-...-kan, meN-...-i dan di-...-i.

Keistimewaan buku ini ialah penambah yang tidak berfungsi sebagai imbuhan dimasukkan ke dalam golongan Kata Tugas, seperti: -kah, -tah, -lah sebagai Kata Penegas (hlm. 210), pun sebagai Kata Penegas (hlm. 210), se- yang bermakna satu tidak dimasukkan sebagai imbuhan dan hanya se- yang berfungsi sebagai imbuhan sahaja yang dijelaskan (hlm. 185).

1.1 BATASAN KAJIAN

Kajian terhadap pembinaan kata Bahasa Melayu sememangnya sangat luas. Ia mencakupi semua golongan perkataan (Kata Nama, Kata Kerja, Kata Sifat, Kata Tugas) dan setiap golongan ini pula dapat dibina melalui pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Kajian ini menumpukan perhatian (membatasi kajian) terhadap binaan Kata Kerja sahaja, sama ada binaan tersebut kerana pengimbuhan (termasuk penyisipan), penggandaan ataupun pemajmukan.

Kesemua binaan ini (Kata Kerja Terbitan) dilihat cara kehadirannya, iaitu mana yang hadir dahulu dan mana yang hadir kemudian. Setiap imbuhan; seberapa yang ditemui di dalam data, akan dicari maknanya. Untuk mengenal pasti makna sesuatu imbuhan, ia dihadirkan sama ada di dalam struktur frasa, klausa atau ayat.

1.2 PENCIRIAN GOLONGAN KATA KERJA

Untuk menentukan sesuatu perkataan dapat digolongkan sebagai Kata Kerja, satu ujian perlu dibuat terhadapnya. Di dalam kajian ini ujian tersebut dibuat berdasarkan deretan perkataan tertentu. Asmah Hj. Omar (1975) di dalam makalahnya "Word Classes in Malay" secara tidak langsung mengemukakan beberapa cara untuk menentukan golongan Kata Kerja sesuatu perkataan (contoh Kata Kerja merupakan tambahan daripada penulis).

a. Deretan Kata Kerja + dengan + Kata Sifat (hlm. 177)

contoh: menulis + dengan + teliti
berjalan + dengan + cepat

b. Deretan Aspek + Kata Kerja (hlm. 180)

contoh: akan + berlari
sedang + menangis
masih + ditunggu
telah + termakan
sudah + kelihatan
pernah + mengumpulkan

c. Deretan Modal + Kata Kerja (hlm. 180)

contoh: boleh + memanjat
 dapat + diambil
 bisa + tertidur
 mesti + berlari
 harus + dimaklumkan
 mungkin + memasukkan

Oleh kerana banyak ciri Kata Kerja yang bertumpang tindih dengan ciri Kata Sifat (Asmah, 1975 : 179), di sini dikemukakan juga pencirian Kata Sifat (contoh Kata Sifat merupakan tambahan daripada penulis), iaitu:

a. Deretan Kata Penguat Depan + Kata Sifat (hlm. 79)

contoh: paling + tinggi
 agak + murah
 terlalu + gemuk
 terlampau + lembut
 amat + menderita
 sangat + kaya
 sungguh + pemurah

b. Deretan Kata Sifat + Kata Penguat Belakang (hlm. 79)

contoh: cantik + sekali
 besar + amat
 luas + sangat
 jauh + sungguh

Untuk memudahkan pencirian golongan Kata Kerja dan tidak tertukar dengan golongan Kata Sifat maka dua pencirian di atas disimpulkan menjadi deretan sedang + Kata Dasar (Kata Dasar diisi

oleh Kata Kerja). Walau bagaimanapun jika ditemui pencirian ini boleh digunakan untuk Kata Kerja dan Kata Sifat ini bermakna perkataan tersebut memiliki 2 golongan kata dan data seperti ini juga akan digunakan⁴. Bagi memastikan penggolongan kata ini, *Kamus Delta* (1988) dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (1989) dirujuk. Kedua-dua kamus ini didapati menyenaraikan golongan kata pada setiap kata masukannya.

1.3 KAEDAH DAN PENDEKATAN KAJIAN

Pembinaan Kata Kerja di dalam kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan lapangan (Asmah Hj. Omar, 1991: 76). Pendekatan kajian yang dipilih ialah pendekatan struktural. Pendekatan struktural bermaksud menganalisis bahasa secara strukturalisme iaitu memberi perhatian yang eksplisit kepada pelbagai bahasa sebagai struktur dan sistem (Harimurti Kridalaksana, 1982 : 158).

Pendekatan struktural berpendapat bahawa bahasa terdiri daripada urutan morfem yang berasal daripada urutan fonem. Dengan demikian pendekatan struktural memberikan perhatian utama pada fonologi dan kemudian morfologi (A. Chaedar Alwasilah, 1989 : 47).

Leonard Bloomfield sebagai pelopor pendekatan struktural mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan morfologi ialah

konstruksi yang mengandungi bentuk terikat di antara konstituennya sama ada bentuk terikat (morfem terikat) mahupun bentuk bebas (morfem bebas) (Alias Mahpol et al., 1992 : 237).

Beliau juga mengatakan:

Dalam bahasa yang morfologinya kompleks, kita dapat melihat pemeringkatan konstruksi: sesuatu kata kompleks hanya boleh dihuraikan seolah-olah berbagai-bagai pemajmukan, pengimbuhan, modifikasi dan seterusnya, ditambah kepada bentuk asas dalam susunan tertentu.

(Alias Mahpol et al., 1992 : 255)

Pandangan Bloomfield ini agak diabaikan oleh ramai pengkaji bahasa Melayu (rujuk huraian terdahulu) kecuali Abdullah Hassan (1986) yang memperincinya seperti berikut ini:

Kehadiran setiap lapisan pengimbuhan ini berlaku dengan menurut aturan atau rentetan sepenuhnya dalam bahasa Malaysia. Ada aturan dan rentetan tertentu dalam penerbitan kata kerja dan ini tidak berlaku sembarangan. Rentetan atau aturan ini perlu diikuti dengan sepenuhnya untuk mengelakkan bentuk terbitan kata kerja yang tidak sempurna.

(Abdullah Hassan, 1986 : 58)

Di dalam kajian ini, binaan yang dikatakan di atas disebut sebagai Pemerian Struktur. Pemerian Struktur ialah binaan sesuatu perkataan dilihat dari segi unsur yang membinanya. Setiap unsur yang hadir mempunyai tahap tertentu dengan makna yang ingin disampaikan oleh unsur tersebut.

1.4 PENGUMPULAN DAN PEMILIHAN DATA

Data percubaan digunakan dengan memilih tiga novel klasik, iaitu: Hikayat Raja Pasai, Sejarah Melayu, Hikayat Patani dan tiga novel moden karya Sasterawan Negara Malaysia, iaitu: Anak Titiwangsa (Keris Mas), Langit Petang (A. Samad Said) dan Srengenge (Shahnon Ahmad).

1.4.1 Pengumpulan Data

Daripada keenam-enam novel ini dikeluarkan Kata Kerja Terbitannya (senarai imbuhan pembentuk kata kerja disediakan dan perkataan tersebut diuji dengan menggunakan pencirian Kata Kerja). Kata Kerja Terbitan tersebut dikelompokkan berdasarkan imbuhan pembentuk Kata Kerja, misalnya imbuhan me-..., me-...-kan, me-...-i satu kelompok, dan imbuhan di-..., di-...-kan, di-...-i satu kelompok yang lain dan seterusnya. Setelah diteliti ternyata enam novel ini tidak mencukupi bagi menunjukkan imbuhan pembentuk Kata Kerja Terbitan di dalam bahasa Melayu.

Di dalam Hikayat Raja Pasai dan novel Srengenge ditemui imbuhan yang hampir sama seperti: -i, -kan, ber-, ber-...-kan, ber-...-an, di-..., di-...-kan, di-...-i, ke-...-an, me-..., me-...-kan, me-...-i, ter-..., ter-...-kan. Data di dalam kedua-dua buku ini tidak mencukupi untuk tujuan kajian ini.

Dengan pengalaman percubaan di atas, kajian ini memilih jalan mengumpulkan data daripada 30 novel daripada pengarang yang berbeza. Karya yang dipilih bermula daripada karya bahasa klasik (1390) sehingga karya bahasa moden (1990) dengan tujuan mengumpulkan data Kata Kerja Terbitan yang pelbagai dan mencukupi. Jarak masa yang panjang ini tidak sekali-kali bertujuan membuat kajian diakronik.

Setelah dipilih, ternyata enam daripada novel tersebut termasuk *Srengenge* tidak memberi sumbangan imbuhan dan dikeluarkan daripada senarai sehingga tinggal 24 novel sahaja.

Walaupun data telah dikumpulkan daripada 24 novel, ternyata masih didapati imbuhan pembentuk Kata Kerja seperti yang dihaajati masih belum mencukupi kerana kebanyakan novel menggunakan imbuhan penanda Kata Kerja yang sama. Oleh yang demikian, data lisan bersahaja pula dipungut.

Informan di dalam kajian ini ialah isteri penulis (Marianah Siregar) 6 orang anak penulis sendiri (Aditya Adawiah, Muhammad Jafar, Fatimah, Zahroh Hasanah, Neng Wisatawati, Nur Aidiladha), rakan sekerja (Alias Mohd. Yatim, Mohd. Md. Yusoff), rakan karib (Ahmad J. Hussein dan Rashid Shaharudin). Semua informan ini merupakan orang yang dekat dengan penulis dan rakaman bersahaja

dapat dibuat. Dengan demikian juga, banyak masa dapat digunakan untuk merakam bahasa mereka.

1.3.2 Pemilihan Data

Setelah data dikelompokkan berdasarkan imbuhan pembentuk Kata Kerja, data tersebut dikelompokkan lagi berdasarkan golongan Kata Dasarnya. Kata Dasar golongan Kata Nama, Kata Kerja, Kata Sifat dan Kata Dasar golongan lain disusun berasingan dengan mencatatkan kod novel dan kod data lisan dibelakangnya. Pengodan ini penting agar penyemakan ayat bagi mengetahui maksud sebenar Kata Kerja Terbitan tersebut mudah dikesan.

Selanjutnya, makna yang terdapat di dalam pengimbuhan tersebut dikenal pasti. Kata Kerja Terbitan yang sama pengimbuhan dan sama maknanya dikelompokkan pula sehingga di dalam penulisannya kelak akan terlihat (a) golongan Kata Dasar dan pengimbuhan (sebagai tajuk kecil), (b) makna imbuhan tersebut, dan (c) contoh perkataan yang dimaksudkan (huruf condong) di dalam ayat.

Contoh:

(a) KND + *kan*

Maksudnya; Kata Nama Dasar yang diimbuhkan dengan Akhiran *+kan*.

(b) buat <KD>. Maksudnya; makna *+kan* yang diimbuhkan dengan Kata Nama Dasar.

- (c) Tuan Seri Amerta, akan tuan hamba dijadikan Yang Dipertuan bentara, dianugerahi pedang sebilah itu juga tuan hamba pelihara baik-baik, *usahakan* jangan diberi berkarat kemakanan. (SM 69)

Maksudnya; contoh Kata Kerja Terbitan tersebut di dalam frasa, klausa atau ayat, iaitu *usahakan*.

Pemilihan data Kata Kerja Terbitan dilakukan berdasarkan pengelompokan berdasarkan tajuk novel. Data yang diinginkan di dalam satu novel dikumpulkan kemudian baru berpindah ke buku yang lain. Seandainya data pada novel awal sudah ditemui maka novel kedua, data yang serupa tidak lagi diambil kira.

Kelak akan terlihat bahawa banyak data diambil daripada novel yang sama dan kadang-kala hanya sedikit data diambil daripada novel yang berikutnya kerana data yang diperlukan telah diambil daripada novel yang sebelumnya.

Misalnya data *kerjakan*, *usahakan*, *namakan*, *rajakan*, *sedekahkan* sudah terdapat di dalam Sejarah Melayu maka data yang sama tidak lagi diambil daripada buku yang 23 lagi. Ini bermakna, walaupun data dikumpulkan daripada 24 novel, ada novel yang sedikit sahaja menyumbang data. Kajian ini sekali-kali tidak bertujuan untuk menunjukkan penggunaan sumber data yang banyak, melainkan bagi mendapat kepelbagaian data makna di dalam pengimbuhan yang membentuk Kata Kerja.

Bagi data lisan pula, pada masa yang sesuai, alat perakam suara (kecil) dipasang dan disimpan di dalam poket baju. Jika ada di antara informan yang menghasilkan ayat yang sesuai, ayat tersebut kemudian ditulis di dalam buku catatan dan Kata Kerja Terbitannya digariskan. Data ini kemudian disusun seperti data bertulis di atas.

Tidaklah setiap rakaman dibuat akan ditemui ayat yang dikehendaki. Kebanyakannya telah ada di dalam data bertulis (novel) dan dengan yang demikian, hanya sedikit data didapati daripada data lisan. Walau bagaimanapun, data yang sedikit itu sangat bermanfaat di dalam kajian ini.

Walaupun data bertulis dan data lisan telah dijalankan, kajian ini mendapati masih ada lagi Kata Kerja Terbitan yang 'maknanya' tidak terdapat di dalam kajian ini. Penulis membatasi data pada data yang ada sahaja dan tidak mengemukakan data rekaan.

1.5 BAHAN KAJIAN

Seperti yang telah dinyatakan di atas, kajian ini bahan yang digunakan terdiri daripada dua sumber, iaitu: sumber utama dan sumber kedua. Sumber utama yang digunakan ialah karya sastera. Karya tersebut terdiri daripada: Hikayat Raja Pasai (HRP), 1390;

Sejarah Melayu (SM), 1403; Hikayat Patani (HP), 1839;
 Kisah Pelayaran Abdullah (KPA), 1854; Korban Keris Melaka (KKM),
 1913; Kitab Gemala Hikmat (KGH), 1922; Dua Belas Kali Sengsara
 (DKS), 1929; Iblis Rumah Tangga (IRT), 1930; Nasib Mentua (NM),
 1937; Air Mata Isteri (AMI), 1960-an; Anak Titiwangsa (AT), 1967;
 Intan (I), 1973; Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman (HTSS), 1979;
 Langit Petang (LP), 1980; Ruyup (R), 1982; Ombak Bukan Biru (OBB),
 1982; Mira Edora (ME), 1984; Lari dari Neraka (LDN), 1985;
 Tugu (T), 1986; Bagaton (B), 1987; Derita Semalam (DS), 1987;
 Hartini (H), 1989; Di Pinggir Sungai Rejang (DPSR), 1989; Di
 Sini Sayang di Sana Sayang (DSS), 1990 .

6

Sumber kedua diperolehi daripada data lisan bersahaja.

7

Informannya adalah seperti yang telah dinyatakan di atas .

Data Kata Kerja Terbitan yang dipungut daripada sumber di atas
 digunakan di dalam contoh. Data ini terlebih dahulu disenaraikan
 berdasarkan imbuhan pembentuk Kata Kerja sama ada imbuhan
 tersebut bergabung dengan Kata Nama, Kata Kerja, Kata Sifat atau
 Kata Tugas. Semasa penyenaian ini, yang diutamakan ialah bentuk
 Kata Kerja Terbitannya. Apabila huraian memerlukan imbuhan dengan
 Kata Nama, barulah data tersebut dikenal pasti golongan Kata

dasarnya (Kata Dasar di sini termasuklah yang telah mendapat penyisipan) dan seterusnya.

1.6 HIPOTESIS

Kajian ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa timbulnya pembinaan kata kerana adanya keperluan makna. Oleh kerana keperluan makna, maka perkataan yang sudah ada, dibina sama ada melalui pengimbuhan, penggandaan mahupun pemajmukan.

Kajian ini juga bertitik tolak daripada andaian bahawa makna sesuatu perkataan sama ada Kata Dasar atau Kata Terbitan, memang sudah sedia ada pada perkataan yang sudah lengkap tetapi makna tersebut akan lebih jelas lagi apabila ia berada di dalam struktur frasa, klausa atau ayat.

Perkataan di dalam ayat lebih-lebih lagi sangat bermanfaat bagi mengetahui makna yang sebenarnya bagi sesuatu perkataan yang homonim iaitu sebutan/ejaan sama tetapi maknanya berbeza (di dalam bentuk perkataan sahaja, maknanya tidak dapat dibezakan). Oleh yang demikian, walaupun kajian ini menumpukan perhatian terhadap pembinaan Kata Kerja tetapi ia juga dikaitkan dengan binaan yang lebih luas, iaitu ayat.

1.7 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan mencerakinkan binaan setiap Kata Kerja Terbitan sama ada satu lapis, dua lapis, tiga lapis atau empat lapis. Agar binaan tersebut mudah dilihat, ia dihadirkan pada Rajah Pembinaan Kata dan Deretan Morfem Terdekat.

Kajian ini juga bertujuan untuk menyenaraikan makna imbuhan pembentuk Kata Kerja dan bagi memudahkan pemahaman makna tersebut, contoh di dalam bentuk frasa, klausa atau ayat akan disediakan. Di samping itu, hasil kajian ini juga diharapkan dapat mengenal pasti fungsi Imbuhan *+kan*, *+i*, *pe+* serta penggabungan Imbuhan *me+* terhadap ketiga-tiga penanda transitif di atas di dalam ayat, akan dikemukakan.

Tujuan akhirnya adalah agar dapatan di dalam kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pelajar, guru, wartawan, penulis bebas, penulis buku nahu bahasa Melayu dan semua pengguna bahasa Melayu.

1.8 ORGANISASI KAJIAN

Kajian ini terdiri daripada 5 bab. Bab 1 merupakan Pendahuluan yang di dalamnya dinyatakan Latar Belakang, Bidang dan Batasan Kajian, Kaedah dan Pendekatan Kajian, Pengumpulan dan Pemilihan Data, Hipotesis serta Tujuan Kajian. Bab 2 iaitu Kajian Morfologi akan diperlihatkan beberapa pendapat tentang teori bahasa secara